

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HKB 312 - Karya-Karya Terpilih dari
Kesusasteraan Eropah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM
DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Di dalam retorika imperialis, frasa "benevolent paternalism" kerap kali ditemui. Setakat manakah Conrad berjaya mengkritik sikap "benevolent paternalism" di dalam Almayer's Folly?
2. Analisiskan perkembangan watak Nora di dalam A Doll's House dan jelaskan apakah yang dimaksudkan oleh Nora sebagai "a true marriage".
3. SAMA ADA
 - (a) Menyentuh tentang pertembungan antara Meursault dan masyarakatnya, penterjemah novel The Outsider mengatakan bahawa absurd itu "terletak pada percubaan masyarakat untuk mengenakan ukuran-ukuran moral yang ketat, ke atas corak dan perjalanan hidup seseorang yang penuh dengan ketidakpastian." Bincangkan pernyataan ini.

ATAU

- (b) Kesusasteraan sepatutnya memberi kita semangat dan harapan untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup serta mempertingkatkan imej kemuliaan manusia. Karya Camus (The Outsider) tidak menyumbangkan apa-apa kepada peranan kesusasteraan. Bincangkan.

4. Di dalam novel The Moon and Sixpence perkembangan pencerita pertama berlaku selari dengan penerokaan dilema Charles Strickland. Setakat manakah Maugham berjaya menggunakan kedua-dua watak untuk mengkaji pertembungan di antara seniman dan norma-norma masyarakat?

5. SAMA ADA

- (a) Perhubungan di antara Lily Briscoe dan Mrs. Ramsay di dalam To The Lighthouse dihalusi Woolf melalui teknik aliran di bawah kesedaran. Setakat manakah Woolf berjaya menggunakan teknik ini untuk mendedahkan lapisan dalaman kedua-dua wanita ini?

ATAU

- (b) Prosa Woolf yang bernada puitis amat sesuai untuk memaparkan persoalan Woolf tentang yang kekal dan yang sering berubah di dalam kewujudan manusia. Bincangkan.

-ooooO00oooo-